

Demi untuk faedah kanak2...

'Tingkatkan latihan tatatertib jalanraya'

KUALA LUMPUR, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d mengesyorkan supaya latihan tatatertib jalanraya ditingkatkan lagi bagi faedah k a n a k - k a n a k mahupun orang dewasa.

Bellau membuat syor demikian ketika berucap di majlis Malam Keselamatan Jalanraya di Hotel Hilton di sini malam ini.

Katanya, hadiah-hadiah patut diberi kepada orang-orang yang mempunyai rekod yang baik.

Bellau menambah,

pertandingan keselamatan jalanraya patut juga diadakan di serata tempat dan lebih banyak filem dan tayangan televisyen mengenai keselamatan jalanraya harus disediakan.

Katanya: "Mungkin cadangan saya ini bukanlah perkara baru, tetapi apa yang tidak dapat dilupa atau dibelakangkan ialah akhirnya yang menentukan keselamatan jalanraya ialah pengguna jalanraya sendiri."

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menekankan tentang kesan kuatkuasa oleh agensi-agensi seperti Polis Trafik dan Jabatan

Pengangkutan Jalanraya yang sentiasa mempergiatkan tindakan mereka bagi menentukan peraturan jalanraya dipatuhi.

Dalam memerangi masalah ini, agensi-agensi berkenaan telah diperbesar dan dilengkapkan dengan alat-alat termoden untuk menjalankan tindakan dengan lebih berkesan.

Namun demikian, tegas beliau, kemalangan jalanraya nampaknya tidak begitu berkurangan dan kemalangan yang ngeri sering berlaku di seluruh Malaysia.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, kurangnya kejayaan usaha Kerajaan adalah disebabkan oleh kurangnya kerjasama dan pandangan berat dari pengguna jalanraya dan pemandu kereta.

Katanya, walau apa sekalipun usaha Kerajaan, kemalangan akan berlaku dengan kerapnya kerana keselamatan jalanraya sebenarnya bergantung kepada sikap pemandu dan pengguna jalanraya sendiri.

Bellau menjelaskan, orang ramai boleh mendesak Kerajaan mengadakan ujian memandu yang lebih ketat dan undang-undang yang lebih berkesan.

Tetapi, semua tindakan Kerajaan akan sia-sia jika pengguna-pengguna jalanraya tidak mahu kawal diri atau berdisiplin, katanya.

Siri	2253
Penerimaan	429/82

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia